

# Usah culas bayar balik pinjaman

» Pelajar perlu tumpu pada pengajian, rebut peluang pengecualian

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

▸ Serdang

**S**ebarang tindakan tegas diambil kerajaan bagi menangani masalah kutipan balik pinjaman pendidikan, tidak menjadi isu jika graduan komited pada tanggungjawab melunaskan hutang.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohamad Shatar Sabran, berkata pelajar yang bijak memanfaatkan peluang pula akan bermotivasi tinggi merebut tawaran pengecualian pembayaran semula atas pencapaian cemerlang.

Bagi mencapai sasaran itu, beliau berkata, pelajar hanya perlu fokus kepada pengajian untuk mencatat purata nilai gred kumulatif (PNGK) minimum 3.50 dan tidak menghabiskan masa dengan agenda luar, termasuk sibuk berpolitik atau menyertai demonstrasi haram.

"Pelajar perlu memahami prinsip bahawa hutang wajib dibayar. Jika tidak mahu bayar balik hutang (pinjaman pendidikan), belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat pencapaian cemerlang.

## Sibuk anasir luar

"Jangan sibuk dengan anasir luar yang boleh menjejaskan tumpuan terhadap pengajian sehingga mengakibatkan keputusan teruk, sukar mendapat pekerjaan dan seterusnya tidak mampu membayar hutang pinjaman pendidikan," katanya ketika ditemui pada Majlis Gemilang Putra dan Jamuan Aidilfitri UPM, di sini, baru-baru ini.

Oleh itu, Mohamad Shatar berkata, penghayatan pelajar kepada tanggungjawab melunaskan hutang pinjaman pendidikan akan dijadikan sebahagian pengisian



Mohd. Fauzi (empat kanan) beramah mesra dengan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UPM hari ini. [ FOTO AFENDI MOHAMED / BH ]

“**Jangan sibuk dengan anasir luar yang boleh menjejaskan tumpuan terhadap pengajian sehingga mengakibatkan keputusan teruk**”

**Mohamad Shatar Sabran,**  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM

minggu orientasi pelajar baru UPM, bulan depan.

Antara lain, katanya, meningkatkan hebahan dan peringatan melalui banting serta poster di sekitar kampus supaya pelajar mengutamakan kepentingan akademik bagi merebut peluang pendidikan percuma dengan mencapai PNGK minimum 3.50.

Dalam pada itu, beliau menasihati graduan sentiasa berkomunikasi dengan agensi yang memberikan pinjaman pendidikan seperti MARA, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Perbadanan

Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Pelajar perlu tampil berbincang dengan agensi yang menawarkan pinjaman kerana pihak terbabit pasti bersedia memberi kelonggaran untuk pembayaran semula mengikut kemampuan mereka.

"Jangan mengelak atau menghilangkan diri. Tunaikan tanggungjawab membayar semula pinjaman secara ansuran walaupun hanya RM10 sebulan jika itu kadar yang termampu," katanya.

## Membetulkan niat

Sementara itu, mengenai Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 bagi kategori Pengarah yang diterimanya pada majlis itu, Mohamad Shatar berkata, ia hasil dua prinsip utama yang menjadi pegangan, iaitu memperbetulkan niat berkhidmat untuk membantu kemajuan institusi dan menganggap kerjaya sebagai ibadat.

"Saya memberi komitmen kepada kerjaya bukan semata-mata untuk menggembirakan pegawai atasan, tetapi mahu ber-

peranan dan menyumbang memajukan UPM.

"Selain itu, dengan menganggap kerjaya sebagai ibadat, memberi suntikan semangat kepada saya untuk melakukan yang terbaik sebagai 'saham akhirat'," katanya.

Antara inisiatif baru dicetuskan Mohamad Shatar ketika menjadi Pengarah Pusat Kokurikulum UPM sebelum ini ialah memperkenalkan program *Finishing School* bertujuan menyediakan pelajar tahun akhir menghadapi pasaran kerjaya.

Dalam pada itu, seramai 732 kakitangan UPM menerima pengiktirafan bersempena dengan Majlis Gemilang Putra tahun ini membabitkan lima kategori, iaitu Anugerah Jasamu Dikenang, Anugerah Jasa Putra, Anugerah Setia Putra, Anugerah Bakti Putra dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, menyampaikan sijil dan insentif wang tunai RM1,000 kepada kakitangan diraikan.